

# Masa depan industri kayu-kayan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

SARANAN Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, agar negara memilih haluan baru untuk industri balak dan yang berasaskan kayu-kayan ketika terdapatnya tanda-tanda kekurangan kayu balak bermutu tinggi menjelang 1990 bukan sahaja dapat menentukan kedudukan Malaysia sebagai salah sebuah pembekal balak dan kayu-kayan yang utama di dunia malah dapat juga menjamir industri itu sendiri terus berkembang serta membolehkan negara mendapat faedah sampingan yang lebih daripada hanya sebagai pengeluar sahaja. Walaupun eksport kayu-kayan negara tahun lepas menghasilkan pendapatan \$3,244 juta tetapi kebanyakan yang dieksport itu merupakan bahan mentah hutan sahaja. Barangan yang diperbuat dari kayu sangat kurang sementara faedah perkhidmatan yang terbit dari industri kayu pula tidak diperolehi.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa kiranya kita tidak memasuki haluan baru — sektor pengeluaran barangan dari hasil kayu-kayan dan perkhidmatan yang bersangkutan — maka faedah yang lebih besar dari itu akan terlepas sahaja dan ini memang merugikan negara. Oleh itu pihak-pihak yang berkenaan perlulah mengkaji dengan lebih terperinci kemungkinan yang boleh didapati dari saranan Timbalan Perdana Menteri itu lebih-lebih lagi dengan terdapatnya rancangan perhutanan semula yang akan dilaksanakan dalam 1982 dengan belanja \$500 juta untuk menjamin keperluan kayu-kayan di negara ini selama 15 tahun lagi.

Sudah semestinya, apabila saranan beliau itu dilaksanakan maka pendapatan negara dari kayu-kayan dan hasil barangan darinya seperti perabot, chipboard, alkohol dari sisa kayu dan lain-lain dan diperkokoh pula dengan penubuhan Ibupejabat Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) untuk Kumpulan Pembangunan Perhutanan bagi kawasan Asia-Pasifik di Kuala Lumpur yang dapat membantu negara dalam perancangan perhutanan, bukan sahaja menambah hasil tetapi juga pelbagai pekerjaan yang lebih bersama-sama dengan kepintaran teknikal yang diperlukan oleh industri itu sendiri.